

# Kerajaan ada cara atasi isu NFC

## Rakyat diberi penjelasan sebenar, tepis terus tohmahan pembangkang: TPM

Oleh Azmi Md Deros  
dan Adha Ghazali  
bhnews@bharian.com.my

**K**ANGAR: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan mempunyai pendekatan tersendiri untuk menangani kemelut yang ditimbulkan pembangkang dalam isu berkaitan Perbadanan Fidlot Kebangsaan Sdn Bhd (NFC).

Timbalan Perdana Menteri berkata, pendekatan itu bukan setakat menjelaskan kedudukan sebenar isu berkenaan yang dimanipulasi pembangkang, tetapi lebih penting menutup terus segala tohmahan dilemparkan berkaitan NFC.

“Sudah sampai masanya kita bertindak menangani isu NFC, lebih-lebih lagi dalam keadaan rakyat semakin keliru berikutan peranan pembangkang dalam isu terbabit terutama melalui media sosial.

“Saya sudah bincang dengan Datuk Seri Noh Omar (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani) beberapa malam lalu selepas diminta mencari jalan menyelesaikan perkara ini oleh Perdana Menteri. Hasilnya, kita sudah ada cara dan kaedah supaya perkara itu tidak berlarutan.

“Apa pun, saya akan maklumkan tindakan itu kepada Perdana Menteri terlebih dulu dan jika beliau bersetuju, tindakan terbabit akan

diumumkan dalam tempoh terdekat,” katanya selepas Majlis Jamuan Rakyat dan Pelancaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di Dewan 2020 di sini, semalam.

Projek ‘Lembah Daging’ di Gemas, Negeri Sembilan diuruskan NFC, anak syarikat Agrosience Industries Sdn Bhd (Agrosience) dikecam pembangkang selepas didakwa wujud penyelewengan dana kerajaan membabitkan pinjaman mudah bernilai RM250 juta.

Malah, beberapa pemimpin pembangkang secara terbuka mendesak Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil meletak jawatan selepas suaminya yang juga Pengarah NFC, Datuk Seri Dr Mo-

hammad Salleh, dituduh terbabit dalam isu penyelewengan operasi pusat berkenaan.

Ditanya bentuk tindakan yang bakal diambil, Muhyiddin berkata, ia sesuatu yang difikirkan wajar oleh kerajaan dalam mengendalikan kes terbabit.

“Kita akan nilai dan kaji daripada perjanjian ditandatangani sebelum ini antara kerajaan dan NFC, selain mengambil kira sudut perundangan yang mungkin boleh digunakan pakai.

“Selain itu, keputusan dan tindakan diambil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga akan turut diambil kira sebagai panduan,” katanya.



*Saya sudah bincang dengan Datuk Seri Noh Omar (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani) beberapa malam lalu selepas diminta mencari jalan menyelesaikan perkara ini oleh Perdana Menteri. Hasilnya, kita sudah ada cara dan kaedah supaya perkara itu tidak berlarutan*

**Muhyiddin Yassin**  
Timbalan Perdana Menteri

Mengenai tindakan Shahrizat memohon cuti selama tiga minggu bagi membolehkan siasatan dijalankan, Muhyiddin menyifatkannya sebagai wajar bagi mengelak beliau terus diheret dalam isu berkaitan NFC.